

# **Garuda FT, Pancelon, KKT ungguli Warrior Cup UMS**

VB H. B. 2019 All

Oleh ALEX DUIN

**KOTA KINABALU:** Garuda FT menewaskan 17 pasukan lain untuk muncul juara acara futsal, manakala Pancelon, dan KKT masing-masing mengungguli acara bola tampar kategori lelaki dan wanita dalam kejohanan Warrior Cup yang berlangsung di Arena Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini.

Kejohanan dua hari yang diadakan pada 27 dan 28 April baru-baru ini menyaksikan 18 pasukan berentap dalam acara futsal, sementara 6 pasukan lelaki dan 8 pasukan wanita bersaing dalam acara bola tampar.

Menurut pengurus pengerusi penganjur, Paul Kenneth Tay, kejohanan berkenaan diadakan sebagai syarat untuk melengkapkan pengajian semester akhir pelajar Sains Sukan UMS yang akan tamat hujung tahun 2019.

“Seramai 52 ahli jawatankuasa turut terlibat menjayakan kejohanan dua hari ini.

“Antara lain objektif penganjuran ialah untuk mendedahkan pelajar tahun



**JUARA** acara futsal Warrior Cup, Garuda FT.

akhir terhadap aktiviti dan perancangan kejohanan acara sukan,” kata Paul.

Perlawanan akhir acara futsal menyaksikan Garuda FT seri 2-2 ketika menentang pasukan Pecah 5 FT, namun Garuda lebih bernasib baik

selepas menang menerusi sepakan penalti, 3-1, untuk muncul juara.

Bagi acara bola tampar, Sawah VT dan Asikk terpaksa berpuashati sebagai naib johan selepas tewas di perlawanan akhir.

Kesemua pasukan juara membawa pulang hadiah wang tunai RM200 berserta sijil penyertaan, medal dan trofi kejohanan.

**JOHAN** bola tampar lelaki, Pancelon.



PAUL (depan kanan) menyerahkan hadiah kemenangan kepada pasukan KKT yang dinobat sebagai juara bola tampar wanita.

